

Qalam

Bilangan 108 Zulhijjah 1379 Julai 1959 60 Sen

Insafflah

Di dalam masa kempen pilihanraya di Persekutuan Tanah Melayu, kerana adanya Parti Islam Semenanjung Tanah Melayu, maka timbullah beberapa serangan-serangan yang hebat bukannya sahaja terhadap kepada PAS tetapi juga terus dihadapkan seluruhnya kepada pengertian umat Islam.

Tengku Abdul Rahman Putra, bekas Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Yang di-Pertua Perikatan serta ketua-ketua dakyahnya yang terdiri daripada ustaz-ustaz seperti Tuan al-Sayyid Jaafar Albar dan Wan Abdul Qadir, di dalam ucapan-ucapannya banyak telah menyinggung perasaan orang-orang Islam amnya terhadap kepada tujuan dan cita-cita umat Islam menunaikan tanggungjawabnya untuk menegakkan negara – tanggungjawab mana sebenarnya mesti dipikul oleh tiap-tiap umat Islam.

Dalam masa menarik orang-orang kepada partinya maka sebahagian daripada mereka itu nampaknya telah lupa kepada tanggungjawabnya terhadap kepada agamanya kerana dengan terangnya mereka mencabar bahawa agama Islam, agama yang dianutnya itu tidak boleh dijadikan pemerintahan atau tidak boleh memerintah. Ada pula diantaranya yang mengatakan bahawa di dalam pemerintahan Islam itu nanti hak-hak kafir *dhimmi* tidak

boleh dijalankan – dan lain-lain lagi yang merendahkan kemuliaan agamanya yang telah pernah memerintah sebahagian besar dunia ini dengan hukum-hukum yang diturunkan dan diperundang-undangkan oleh Tuhan!

Kalau cabaran seperti itu datangnya daripada orang-orang yang bukan Islam tidaklah menghairankan tetapi ini datangnya daripada orang-orang Islam sendiri, dan ada pula daripada ustaz-ustaz yang berpengajian Islam, maka ini adalah sangat-sangat mendukacitakan. Kita tidak dapat hendak mengatakan apa-apa terhadap orang-orang seperti ini selain daripada bermohon kepada Allah semoga Allah memberi taufik dan hidayah-Nya kepada mereka. Mudah-mudahan mereka berbalik kepada pengertian-pengertian atas kesucian hukum-hukum Tuhan yang diturunkan sesuai bagi setiap saat dan masa.

Hukum agama Islam tidak boleh dijalankan untuk bernegara - adalah perkataan dusta semata-mata. Perkara ini sepatutnya keluar dari mulut orang yang bukan Islam. Umat Islam yang tidak memasuki mana-mana parti siasah negara terus tersinggung dengan ucapan seperti ini kerana mereka mengetahui bahawa hukum Tuhan itu telah dapat dilaksanakan dengan sempurna di dalam beberapa zaman yang lampau dan dapat dipersesuaikan dengan keadaan-keadaan di sekelilingnya.

Umat Islam terus dihina oleh ucapan mereka-mereka yang mengaku beragama Islam tetapi tidak berkeyakinan dengan pengertian Islam – dengan kerana itu di manakah umat Melayu (Islam) akan dapat mengharap daripada orang-orang seperti ini untuk menegakkan kalimah Tuhan – untuk diletakkan tanggungjawab agama kepada mereka, untuk berikhtiar menyampaikan janji Tuhan di atas negara yang makmur yang dilimpahkan Tuhan?!

Apakah yang mesti dibuat oleh umat Islam yang di luar lingkungan parti-parti politik ini? Wahai ulama-ulama Islam! Apakah tuan-tuan masih berselimut lagi? Bangunlah dan bangkitlah! Cabaran terhadap agamamu sekarang tidak hanya terbitnya daripada orang luar tetapi daripada lingkungan kita sendiri, daripada ustaz-ustaz kita sendiri bahkan ada daripada golongan ulama-ulama sendiri.

Bangunlah umat Islam! Marilah bersama-sama untuk memberi fahaman kepada umat tentang apakah agama itu, apakah tanggungjawab seseorang kepada agamanya dan bagaimana caranya menyusun bentuk masyarakat beragama kita.

Marilah bersama-sama kita memikul tanggungjawab kita semoga kelak kita terlepasnya daripada persoalan dan tanggungjawab kita di hadapan *Rabb al-Jalil*.

Wahai ulama-ulama bangkitlah – berilah penerangan kepada umat! Marilah bersatu – anjurkanlah ukhuwah Islamiah di antara umat kita. Tuan-tuan adalah lebih banyak mempunyai *mas'ūliyyah* terhadap agama daripada orang-orang kebanyakan dan kerana itu tuan-tuan akan ditanya lebih dahulu tentang apa yang tuan-tuan telah buat terhadap menunaikan kewajipan tuan-tuan.

Ingatlah! Agama tuan-tuan telah dicabar tidak boleh memerintah atau tidak boleh bernegara padahal diwajibkan bagi umat Islam menghukum dengan hukum Allah kerana hukum Allah itu ciptaan Tuhan yang menjadikan makhluk-Nya. Untuk ini berilah faham kepada umat tentang tanggungjawabnya semoga mereka mengerti.

Bagi mereka-mereka yang mengaku beragama Islam tetapi telah mencabar ajaran Islam – kembalilah tuan-tuan menyelidik dan menyiasat apa dia Islam dan bagaimana

ajarannya – jangan pakai ikut buta sahaja – kembalilah tuan kepada ajaran agama dan ingatlah bahawa hidup kemewahan tuan di dalam dunia ini hanya di dalam masa yang singkat jua – kerusi empuk tidak lama tuan duduki dan akhirnya pada satu saat tuan akan menjadi bangkai dan ulat yang tidak ada harganya – yang tinggal hanyalah bakti jika tuan-tuan berbakti, dan laknat jika tuan mencabar. Insaflah panggilan Tuhan telah hampir masanya kepada tuan-tuan dan tuan-tuan akan bertanggungjawab kepada apa yang telah tuan-tuan buat!

* * *

Dengan menangnya PETIR di dalam pilihanraya 30 Mei yang lalu maka dengan sendirinya ia menjadi pemerintah Singapura.

Kemenangan itu tentulah menggembirakan mereka, terutamanya nampaknya daripada pengikut-pengikutnya yang setengah masak, di dalam mana mereka XXXX XXXX XXXX¹, membakar mercun di sana sini dan sehingga seolah-olah disenghaja² untuk membakar hati orang-orang yang dikalahkannya atau orang-orang yang tidak menyokong PETIR. Sehari berjalan bersambung lagi kepada dua tiga hari – mercun dibakar dan kata-kata yang tak sedap keluar daripada mulut pengikut-pengikut mereka yang nampaknya masih setengah masak itu sebagai cabaran kepada orang lain terutamanya orang-orang Melayu.

Hal ini berjalan hampir-hampir berminggu-minggu lamanya, sedang pemimpin-pemimpin PETIR yang harus menghendaki perdamaian dan keamanan tidak menyedari bahaya perbuatan anak buahnya yang harus masih setengah masak itu. Mereka tersedar kepada apa ertinya perbuatan yang berleluasa itu ialah setelah UMNO mengadakan rapat umum di mana

¹ tulisan tidak jelas

² kesilapan ejaan, sepatutnya 'disengaja'

orang-orang Melayu dengan berterang-terang menunjukkan tidak senang atas kelakuan-kelakuan itu, di dalam mana jika perbuatan-perbuatan orang-orang setengah masak itu diteruskan harus membawa kepada pecahnya keamanan – harus akan membawa pertentangan yang hebat – dalam masa orang-orang Melayu telah nampaknya menunjukkan kemarahannya – kemarahan mana jika tidak lekas disadari harus membawa kepada perkara yang tidak diingini bukan sahaja di Singapura bahkan akan merebak ke Persekutuan Tanah Melayu.


Bahaya seperti ini, *alhamdulillah*, lekas disadari oleh pemimpin-pemimpin PETIR yang memerintah iaitu dengan adanya perintah mengharamkan perayaan-perayaan menyambut kemenangan itu bahkan seterusnya lalu mengharamkan perjumpaan-perjumpaan raya siasah yang pada satu masa dahulu digalakkan oleh PETIR sendiri sebagai menunjukkan perasaan jiwa orang-orang mereka sendiri.

Kemudian beberapa perkara lagi hal-hal yang diambil langkah dengan serta-merta. Delapan buah majalah-majalah telah tidak dibenarkan diterbitkan kerana ia majalah-majalah yang disifatkan majalah-majalah kuning; *Cheok books* dan lain-lain lagi diharamk³. Ini sebenarnya semuanya bagus tetapi caranya sahaja tidak menyenangkan hati sebahagian orang.

Untuk mengharamkan sesuatu penerbitan di dalam masa baharu memegang tampuk pemerintahan daripada sebuah pemerintahan yang lain dengan serta-merta menurut pendapat adalah kurang bijak di dalam apa-apa pun sesuatu langkah yang dijalankan dengan serta-merta dan deras sudah tentu menerbitkan atau akan menimbulkan sesuatu hal yang tidak diingini bahkan menimbulkan perasaan tak senang, sekurang-kurangnya bagi sebahagian orang dan *āqibah*-ny⁴ sangat kurang baik.

Sepatutnya untuk menyampaikan sesuatu tujuan itu kebijaksanaan hendaklah dibuat sedang dengan kebijaksanaan itu dapat menjauhkan perasaan kurang senang sesuatu golongan.

Umpamanya, kalau mendapati bahawa sebahagian daripada majalah-majalah itu bertentangan dasarnya dengan kerajaan maka dengan menunjukkan kekuasaan yang ada di tangan terus menahan lesen penerbitannya dengan serta-merta adalah kurang bijak. Sepatutnya pemerintah meminta kerjasama penerbit-penerbit itu melaksanakan dasar pemerintah di dalam usahanya atas sesuatu tujuan yang tertentu dan meminta penerbit-penerbit itu



Ubat Beranak

\$15.50

Yahya Ariff
37 JALAN KANGSAR A KANGSAR

Ubat beranak yang masyhur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

Dengan menggunakan ubat ini **tak payah berdiang – tak payah bersalai**, badan sentiasa sihat dan segar.

Sekotak \$15.50 cukup untuk penggunaan sekali beranak. Tambah belanja pos 60 sen.

YAHYA ARIFF

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar.

³ kesilapan ejaan, sebetulnya 'diharamkan'

⁴ akibatnya

mengubah coraknya kepada tujuan-tujuan yang dikehendaki sudah tentu penerbitan itu akan menyambut dengan baik dan berusaha menyampaikan tujuan dan maksud pemerintah – dan mesti pula memberi kerjasamanya. Sekiranya mereka tidak mengubah dasarnya sudah barang tentu baharulah menggunakan kuatkuasa yang ada. Inilah sepatutnya dibuat di dalam tiap-tiap langkah yang patut dibuat kerana langkah-langkah yang serta-merta itu tak dapat tiada akan menimbulkan ketidakpuasan hati dan menimbulkan perasaan bahawa pemerintahan dalam negeri Singapura sekarang telah membawa corak kepada diktator – padahal yang seperti ini adalah sangat-sangat tidak dikehendaki oleh sekalian orang yang biasa hidup bebas di negeri ini.

Mudah-mudahan perkara-perkara ini diperhatikan oleh pemimpin-pemimpin PETIR untuk kebaikan mereka, untuk mendapat kerjasama daripada seluruh umat – bukan oleh umat yang pengikut-pengikut buta sahaja.

* * *

Masalah Perkauman

Pada masa ini perkataan perkauman itu adalah suatu senjata yang besar untuk menahan seseorang daripada memperkatakan barang-barang yang hak mereka perkauman kerana mempertahankan hak mereka sendiri.

Kalau orang-orang Melayu umpamanya menyerukan suara hak mutlaknyanya maka mudah sahaja timbul tuduhan-tuduhan, bukan sahaja daripada orang lain bahkan daripada bangsanya sendiri, bahawa perbuatan-perbuatan itu adalah perbuatan perkauman!

Di dalam sejarah mana pun di dalam dunia adalah menunjukkan bahawa orang asal sesuatu negeri itu

adalah tuan punya bagi sesuatu tempat yang didudukinya. Orang-orang mengkaji sejarah, terutamanya sejarah orang Islam dan mengikut ajaran Islam, maka hak-hak ketuanan itu adalah hak mutlak bagi seseorang yang berasal di situ.

Islam menunjukkan ini daripada ajaran sejarah yang lama yang dicitrakan tentang telaga air zamzam yang ada hingga hari ini yang jadi milik Sīṭī Hājar dengan anaknya Nabī Isma‘īl.

Di dalam sejarahnya, semasa Nabī Ibrāhīm, apabila Sīṭī Hājar mendapat telaga ini dengan pemberian Tuhan maka hal ini akhirnya diketahui oleh kabilah Banī Jurhūm. Kabilah ini datang ke sana XXXX XXXX XXXX⁵ (kepada telaga air itu) dan mereka sendiri memberi syarat bahawa hak mutlak tanah dan telaga itu adalah hak Sīṭī Hājar dan mereka hanya menumpang hidup sahaja di sana.

Jadi hak mutlak sesuatu golongan atau kaum itu adalah hak muktamad dan kalau ia mempertahankan haknya adakah ia bersifat perkauman? Adakah mereka akan mendiamkan sahaja dirinya kalau tadinya orang-orang yang menjadi tamu di dalam rumahnya, menumpang di rumahnya terus hendak menguasai rumah itu dan ketuanan bagi rumah itu diserahkan, dikongsikan bersama-sama? Adakah orang-orang yang berhak di rumah itu, kalau menuntut haknya dipandang perkauman? *Mā shā’a Allāh!* Sebab itulah wahai orang-orang anak watan, tegaklah berdiri mempertahankan hak-hak mutlak kamu kerana di dalam perdirian ini kalau kamu binasa maka kebinasaan kamu adalah di dalam kehormatan yang tinggi.

⁵ tulisan di dalam teks tidak jelas